

11/12/2003

Saingan Eropah, Jepun untungkan Asia Tenggara

SEDUTAN ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bertajuk 'Pandangan Saya Kepada Bakal Pemimpin di Asia - Ke Arah Masa Depan dan Usaha Mencapai Kemantapan' pada Simposium Ke Arah Masa Depan Sidang Puncak Asean-Jepun, di Pusat Persidangan Fukuoka, Jepun, semalam.

BAGI rakyat Jepun dan Asia Tenggara, usaha menoleh ke belakang dan memahaminya serta mengetahui keadaan semasa adalah penting untuk merangka masa depan. Hubungan di antara Jepun dengan negara Asia Tenggara pasca Perang Pasifik adalah unik. Oleh sebab tertentu, Jepun menghadapi kesukaran dalam hubungannya dengan jiran terdekatnya di Barat Daya Asia.

Pengalaman negara Asia Tenggara ketika Perang Pasifik bukanlah sesuatu yang mereka gemar untuk diingat kembali, sebaliknya mereka lebih bersedia melupakannya dan mengampunkan Jepun sambil menjalin hubungan baru dengan negara itu berdasarkan keadaan semasa, apatah lagi Jepun kelihatan lebih selesa dengan rakyat Asia Tenggara.

Ketika Jepun mengubah falsafah perdagangannya selepas tamat peperangan iaitu daripada menjadi pengeluar barangan murah berkualiti rendah kepada pengeluar barangan bermutu tinggi tetapi murah, pasaran Asia Tenggara terbukti berguna bagi menguji penerimaan produknya.

Ketika itu dunia belum lagi bersedia untuk menerima produk Jepun sebagai setanding dengan produk Eropah. Satu lagi strategi Jepun yang diuji dan terbukti berjaya di pasaran Asia Tenggara ialah perkongsian pasaran adalah jauh lebih penting daripada julat keuntungan. Pengeluar Eropah hanya pentingkan keuntungan besar dan apa yang mereka hasilkan adalah untuk kegunaan mereka saja.

Oleh kerana kuasa membeli mereka adalah tinggi, mereka mampu membeli barangan mereka yang tinggi harganya. Negara miskin boleh membeli barangan itu jika mereka mampu. Jika mereka boleh membelinya tidak mengapa kerana syarikat Eropah sudah pun mengaut keuntungan di negara mereka sendiri. Sudah tentulah perkongsian pasaran bagi barangan Eropah dan Amerika Syarikat adalah kecil dan kekal kecil. Tidak ada usaha untuk mengkaji keperluan khusus negara miskin dan menyesuaikan keadaan.

Sikap Eropah ini menyebabkan rakyat miskin Asia dan Afrika tidak dapat menikmati keperluan moden seperti peralatan rumah, trak dan kereta. Taraf hidup mereka sudah pasti lebih rendah berbanding Eropah.

Tetapi produk berkualiti Jepun yang dijual pada harga murah hasil daripada julat keuntungan yang rendah, mampu dibeli oleh rakyat Asia Tenggara. Hasilnya, taraf hidup mereka meningkat dengan penduduk di negara membangun mampu membeli peralatan elektrik dan kenderaan yang dinikmati penduduk di negara kaya.

Dengan penerimaan terhadap barangan Jepun semakin meningkat di Asia Tenggara berbanding produk Eropah, Jepun menjadi lebih yakin memasarkan barangan mereka di kawasan lain dunia, termasuk di pasaran negara Eropah sendiri. Anggapan buruk terhadap barangan Jepun terhakis dengan cepat sekali. Perdagangan di antara negara Eropah dengan Jepun meningkat secara mendadak dan banyak menguntungkan Jepun.

Bagi mengurangkan lebihan Jepun dan mendapatkan semula bahagian pasaran mereka, Eropah memberi tekanan kepada Jepun untuk menilai semula yen. Perjanjian Plaza menaikkan nilai yen menyebabkan harga barangan Jepun naik berlipat kali ganda di negara membangun. Malangnya, ini juga bermakna hutang yen negara Asia Tenggara meningkat dua kali ganda berdasarkan nilai mata wang mereka.

Jepun terpaksa mencari jalan lain untuk memastikan kos pengeluaran rendah dan harga dapat bersaing. Kilang perusahaan Jepun mula melabur di Asia Tenggara. Pelaburan Jepun cuba memasuki negara membangun lain, tetapi negara berkenaan belum bersedia dengan undang-undang dan insentif pelaburan serta prasarana diperlukan bagi membolehkan kilang dibina untuk mengeluarkan produk berkualiti Jepun.

Negara Asia Tenggara sudah pun bersedia dan hasilnya ialah peningkatan pesat sektor perindustrian di beberapa negara Asia Tenggara. Dalam masa singkat, negara Asia Tenggara menjadi pengeksport barangan pembuatan bermutu tinggi.

Perdagangan di antara Asia Tenggara dengan negara lain dunia melonjak. Sebagai contoh, Malaysia yang hanya mengeksport getah ke negara maju, kini mengeksport produk canggih ke lebih 200 negara dunia.

Apa yang memeranjatkan Jepun dan dunia ialah pekerja Asia Tenggara memperoleh kemahiran begitu cepat dan produk yang dihasilkan bertaraf dunia. Pelaburan Jepun juga merangsang pelaburan dari negara Eropah yang mahu menurunkan kos dan bersaing di pasaran.

Hasilnya, rakyat Asia Tenggara menjadi lebih makmur dan mewujudkan keperluan bagi prasarana lebih baik. Jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, bekalan elektrik dan air disediakan dengan pelaburan dalam pembinaan prasarana itu dapat dilaksanakan hasil pinjaman mudah dan bantuan Jepun sendiri. Ini secara langsung dan tidak langsung menghasilkan pendapatan lebih tinggi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Hasil daripada pelaburan Jepun dan pinjaman itu tidak hanya menguntungkan negara Asia Tenggara. Jepun dan negara maju lain turut mendapat faedah, manakala pasaran Asia Tenggara bertambah besar. Kebanyakan daripada barangan dibeli oleh rakyat Asia Tenggara dihasilkan pengeluar Jepun sama ada di Jepun atau di negara Asia Tenggara. Ia adalah keadaan sama-sama untung.

Dalam banyak cara, Jepun telah menjadi model dan satu inspirasi kepada negara Asia Tenggara, terutamanya bagi Malaysia. Pada awal 1980-an, Malaysia mengamalkan dasar Pandang Ke Timur, khususnya pandang ke Jepun.

Malaysia dan saya yakin banyak negara Asia Tenggara begitu tertarik dan kagum bagaimana Jepun bangkit semula begitu cepat daripada kemusnahan Perang Pasifik untuk menjadi sebuah negara kuasa ekonomi. Sudah tentu ada sesuatu dilakukan Jepun yang patut dicontohi negara yang ingin membangun dan maju.

Kita di Malaysia yakin bahawa etika kerja Jepun dan hubungan serta kerjasama rapat di antara kerajaan dan sektor swasta, iaitu konsep Persyarikatan Jepun memberi sumbangan kepada keajaiban kemajuan ekonomi Jepun. Sudah tentu ada struktur korporat dan amalan pengurusan Jepun yang membolehkan syarikat Jepun untuk bangkit dan maju dengan cepat dan penuh kejayaan. Malaysia ingin mempelajari perkara ini dan mengamalkannya di mana mungkin.

Kita mendapati rakyat dan syarikat Jepun pada zaman pasca perang begitu patriotik dan bekerja keras untuk membantu negara mereka maju semula. Mereka menghargai nilai dan pentingnya menjaga kebajikan pekerja mereka hampir seumur hidup.

Walaupun ada kesatuan sekerja dan pergerakan buruh yang kuat, mogok umum jarang berlaku. Jika mereka mogok, mereka pastikan ia tidak merosakkan dan merugikan syarikat.

Pada masa inilah kilang perusahaan Eropah dilumpuhkan oleh mogok pekerja mereka. Tindakan kerja ikut peraturan, piket dan mogok kilat adalah perkara biasa. Tuntutan kenaikan gaji, kurang kerja dan keadaan kerja lebih baik dibuat tanpa mengambil kira kerugian dan hilangnya daya saing produk Eropah.

Pekerja Malaysia dan kesatuan sekerja mereka lebih cenderung mengikut

amalan pekerja Eropah dan cuba meminta kenaikan gaji melalui tindakan mogok. Tetapi langkah kerajaan Malaysia mempromosi etika kerja Jepun dan pendedahan pekerja Malaysia terhadap keadaan bekerja di kilang Jepun di Jepun nampaknya telah mempengaruhi pemikiran pemimpin kesatuan dan pekerja. Pada masa sama, majikan diajak kerajaan supaya mengamalkan sikap lebih memahami sikap dan keperluan serta masalah pekerja mereka.

Kerajaan mengambil inisiatif dengan sering mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pekerja dan pemimpin kesatuan dan memenuhi tuntutan mereka jika ia sesuai dan munasabah.

Setelah mengkaji konsep Persyarikatan Jepun, kerajaan Malaysia memutuskan bahawa ia adalah sesuatu yang baik. Hubungan rapat di antara pegawai kerajaan dengan sektor swasta memang boleh menyebabkan amalan rasuah, tetapi tidak keterlaluan berbanding jika tidak ada langsung hubungan terbuka. Tetapi faedah hubungan ini lebih menguntungkan berbanding risiko dan kerugian akibat rasuah.

Kerajaan mendapati sebahagian besar daripada hasil mahsulnya adalah daripada sektor swasta melalui cukai korporat dan individu. Tentunya jika kerajaan membantu sektor swasta untuk berjaya, sebahagian daripada keuntungan itu akan dirasai dan kembali kepada kerajaan. Lebih berjaya sektor perniagaan, lebih banyak lagi cukai dikutip oleh kerajaan. Oleh itu, mengapa kerajaan tidak harus bekerja rapat dengan sektor swasta. Penentang dasar ini akan menganggap ia sebagai kronisme, tetapi mereka sendiri sudah pasti akan membantu konco-konco mereka apabila ini perlu dilakukan dan konco-konco mereka itu memang sebenarnya kroni, sedangkan di bawah konsep persyarikatan kerajaan-sektor swasta, semua dalam sektor swasta akan dibantu kerajaan setiap masa.

Dialog dengan sektor swasta sering diadakan dan maklum balas membolehkan kerajaan menggubal undang-undang dan dasar serta membaiki khidmat kerajaan bagi memudahkan urusan niaga. Hasil kejayaan perniagaan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan menambah hasil mahsul kerajaan, yang seterusnya membantu membaiki skim gaji kakitangan kerajaan, khidmat sosial kepada rakyat dan membaiki prasarana bagi rakyat jelata. Jelas bahawa semua orang mendapat keuntungan dan menikmati faedah daripada Persyarikatan Malaysia diamalkan oleh kerajaan.

Mengamalkan dasar yang memajukan Jepun telah menguntungkan Malaysia. Saya yakin negara lain di Asia Tenggara telah memandang dan menghargai kemajuan Jepun dan menirunya walaupun secara rasmi mereka tidak mengamalkan dasar Pandang ke Timur.

Walaupun saya bukan lagi Perdana Menteri Malaysia dan tidak akan menyertai Sidang Puncak Asean-Jepun, saya yakin banyak faedah dan kemajuan boleh dicapai melalui sidang puncak. Saya dapati sidang ketua kerajaan, terutama di pusat peranginan apabila tidak disertai oleh pegawai tidak banyak mencetuskan polemik dan perbezaan ideologi.

Ketua kerajaan mahu mencapai sesuatu matlamat dan biasanya mereka berusaha keras dan mengutamakan kumpulan terbabit daripada hanya kepentingan sendiri. Pegawai kerajaan yang tidak hadir tidak dapat banyak mempengaruhi usaha mencari keputusan sebagaimana mereka mahukan.

Tentunya pemimpin mencapai persetujuan apabila pada pandangan pegawai ini tidak harus dilakukan. Tetapi banyak kali kepentingan kumpulan membuahkan lebih banyak hasil daripada kepentingan nasional saja. Jika setiap negara hanya mementingkan kepentingannya saja, maka perkumpulan berkenaan akan menemui kegagalan.

Keseluruhannya, Sidang Puncak Asean-Jepun membuahkan banyak hasil. Ia telah memupuk hubungan rapat di antara Asia Tenggara dengan Jepun melalui rundingan, perbincangan dan maklum balas. Sidang puncak memberi masa depan untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi di rantau ini. Saya berharap ia akan berterusan dan harinya akan tiba apabila Asia Timur

menjadi sebuah kumpulan paling erat memainkan peranannya bagi kemajuan Asia Timur dan dunia.